HUBUNGAN SEMANTIK PREPOSISI PENYERTAAN *DENGAN* BERSAMA KATA KERJA

MASLIDA YUSOF
KARIM HARUN

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Maslida (2006, 2007,2009) menunjukkan analisis preposisi boleh dikaitkan dengan unsur kata kerja. Perbincangan beliau tentang preposisi lokatif (di, dari dan ke), preposisi transisi (kepada dan daripada) dan preposisi bertujuan (untuk) menunjukkan kemunculan preposisi dalam klausa dapat diramalkan daripada jenis kata kerja yang hadir bersamanya. Berbeza dengan preposisi yang telah dibincangkan di atas (*ke, dari, di, kepada, daripada* dan *untuk*), preposisi *dengan* dianggap tidak mempunyai satu perwakilan struktur Logik (SL) yang dasar sebagaimana ditunjukkan oleh enam jenis preposisi tersebut. Penggunaannya dalam 'penyertaan' yang berbagai-bagai menyebabkan preposisi ini tidak dapat dikaitkan dengan posisi argumen dalam SL. Sehubungan dengan ini, makalah ini akan menunjukkan subkategorisasi sintaksis kata kerja (iaitu kemunculan preposisi *dengan*) boleh berhubungan dengan SL kata kerja. Analisis kata kerja yang akan dihuraikan adalah berasaskan klasifikasi semantik kata kerja bahasa Melayu iaitu, kata kerja keadaan, aktiviti, penyempurnaan, pencapaian, aktif penyempurnaan dan versi kausatif untuk setiap kata kerja. Klasifikasi ini adalah berasaskan kelas *Aktionsart* dan representasi struktur logik yang dianjurkan oleh Van Valin (2005) dalam Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan -(*Role and Reference Grammar*). Berdasarkan contoh ayat daripada korpus, makalah ini juga akan memperlihatkan struktur logik bagi preposisi *dengan* dalam bahasa Melayu.

Kata kunci : Preposisi penyertaan, struktur logik, Klasifikasi semantik kata kerja, Kelas *Aktionsart*, Teori *Role and Reference Grammar* (RRG)

ABSTRACT

Maslida (2006, 2007, 2009) shows how the analysis of prepositions can be associated with elements of the verb. Her discussion about locative prepositions (di, dari and ke), transition prepositions (kepada and daripada) and intent prepositions (untuk) show the emergence of prepositions in the clause could be predicted from the type of verb present in the clause. Unlike the prepositions that have been discussed above (di, dari, ke kepada, daripada and untuk), prepositions dengan presumed not to have the base representative logical structure (LS) as indicated by the six types of prepositions. Its use in the 'participation' of the various causes of prepositions can not be linked to argument positions in LS. In this regard, this paper will show how the subcategorisation of verb (i.e the emergence of prepositions) may link to the LS of the verbs. Analysis of the verb to be described is based on the classification semantics of Malay verbs, namely state verbs, achievement verbs, accomplishment verbs, activity verbs, active accomplishment verbs, and a causative version of each of them. This classification is based on Aktionsart classes and logical structure representation organized by Van Valin (2005) in Role and Reference Grammar theory (RRG). Based on the example sentences from the corpus, this paper will also show the logical structure of the preposition with the Malay language.

***Key words**: Participation preposition, Logical structure (LC), Semantics classification of verbs, Aktionsart class and Role and Reference Grammar (RRG)*

PENGENALAN

Asmah Hj. Omar (2009) menyatakan ‘‘kata depan berfungsi dalam frasa preposisi, yakni frasa yang unsur pertamanya kata depan, sedangkan unsur berikutnya boleh terdiri dari kata sempurna. Frasa preposisi ini berfungsi dalam ayat sebagai adverba.’’ Nik Safiah Karim et al. (2008) pula mendefinisikan preposisi sebagai perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Kedua-dua definisi ini boleh digenaralisasikan sebagai berikut :

(1) PREPOSISI + X $\longrightarrow$ Frasa Preposisi
yang mana X merujuk kepada kategori frasa nama.

Setiap preposisi mempunyai makna sebagaimana dinyatakan oleh Gawron (1986:329) bahawa “*Prepositions, even tiny ones, are meaningful*”. Oleh itu dalam bahasa Melayu preposisi *di* misalnya, membawa makna asas tempat, preposisi *ke* membawa makna asas arah matlamat dan preposisi *dari* membawa makna asas arah sumber. Berasaskan makna yang ada pada sesuatu preposisi maka binaan preposisi sebagaimana ditunjukkan dalam (1) menghubungkan satu entiti (biasanya FN subjek) dengan entiti yang lain (keadaan atau peristiwa) dengan makna lokasi, masa, alat atau arah. Sebagai contoh, preposisi *di* mempunyai makna asas lokasi tetapi apabila ditunjukkan seperti dalam (2), frasa preposisi *di sekolah* menerangkan lokasi yang lebih khusus, yang juga secara relatifnya berhubungan dengan peristiwa *Ahmad belajar*.

(2) Ahmad belajar di sekolah.

Preposisi bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu preposisi statik (misalnya *di, pada*) dan preposisi dinamik (misalnya *ke,dari, kepada*). Walau bagaimanapun didapati wujud sifat saling bertukar bagi preposisi statik dan dinamik iaitu preposisi yang berfungsi statik boleh digunakan dalam konteks dinamik misalnya, *Adik berlari di padang* dan begitu juga preposisi dinamik boleh digunakan dalam konteks statik misalnya, *Universiti Kebangsaan Malaysia terletak tujuh kilometer dari bandar Kajang*.

Perbezaan antara preposisi statik dengan dinamik terletak pada *soalan berapa?* sebagai contoh: berapa jauh/berapa lama bagi frasa nama subjek/objek dalam ayat misalnya, ayat (3) dan (4) merupakan contoh hubungan statik yang diungkapkan melalui preposisi statik manakala ayat (5) dan (6) merupakan contoh ungkapan hubungan dinamik.

(3) Buku itu terletak di atas meja.
(4) Saya bertemu Ahmad pada pukul 9 pagi.
(5) Adik berjalan dari rumah ke masjid.
(6) Hujan telah turun dari pagi hingga ke malam .

Ayat (3) dan (4) merupakan ayat statik oleh sebab ayat (3) menunjukkan lokasi buku pada satu titik tempat dan ayat (4) menunjukkan peristiwa bertemu Ahmad pada satu

titik masa. Soalan *berapa lama* atau *berapa jauh* tidak boleh ditanyakan kepada FN objek ayat (3) dan (4) manakala kedua-dua ayat (7) dan (8) pula merupakan ayat dinamik berasaskan keupayaan menanyakan jangka waktu iaitu jarak jauh *Adik berjalan* dan tempoh masa *Hujan turun.*

Ciri kedua yang membezakan sesuatu ungkapan itu dinamik atau statik terletak pada sifat saling bertukar antara objek preposisi misalnya, (5) dan (6) di bawah.

(7) Adik berjalan dari rumah ke masjid.
(8) Kepanjangan lebuh raya itu dari Seremban ke Johor Baru.

Ayat (7) dan (8) mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya boleh ditanyakan soalan berapa? iaitu berapa jauh? bagi ayat (7) dan berapa panjang bagi ayat (8). Perbezaan di antara kedua ayat ini adalah berdasarkan kenyataan bahawa ayat (7) menunjukkan jarak bagi sesuatu yang dinamik manakala ayat (8) menunjukkan jarak bagi sesuatu yang statik. Jika kita menukar posisi rumah dan masjid. dalam ayat (7) menjadi (7a) maka kita akan mengubah makna asal ayat itu oleh sebab ayat itu menunjukkan jarak bagi perjalanan tertentu di mana *rumah* adalah sumber dan *masjid* adalah sasaran manakala jika perkara yang sama dilakukan pada ayat (8) menjadi (8a), makna asal ayat itu masih tidak berubah.

(7a) Adik berjalan dari masjid ke rumah.
(8a) Kepanjangan lebuh raya itu dari Johor Baru ke Seremban.

Preposisi *di* dan *pada* adalah antara preposisi yang menunjukkan bentuk hubungan statik manakala preposisi *dari* dan *ke* adalah antara preposisi yang menunjukkan hubungan dinamik. Sifat statik atau dinamik sesuatu preposisi itu mempunyai hubungan dengan kata kerja yang hadir bersamanya dalam ayat. Kata kerja gerak atau peralihan memerlukan perposisi dinamik untuk menghubungkan sesuatu gerakan atau peralihan kepada satu posisi baru manakala kata kerja yang bersifat statik (satu tempat) berpadanan dengan kata preposisi statik untuk mengungkapkan hubungan yang ingin disampaikan.


PREPOSISI PENYERTAAN *DENGAN*

Preposisi *dengan* menunjukkan hubungan yang statik iaitu entiti yang dihubungkan itu tidak mengalami perubahan atau peralihan. Nik Safiah Karim et al. (2008) memberi empat maksud bagi preposisi *dengan* iaitu maksud bersama-sama, maksud cara itu dilakukan, maksud memakai atau menggunakan dan maksud keadaan perbandingan yang serupa. Berbanding dengan preposisi lain, kelihatan preposisi *dengan* adalah agak kompleks sifatnya. Kekompleksan ini adalah kerana preposisi *dengan* tidak memperlihatkan hubungan yang khusus tentang sesuatu entiti seperti preposisi *di, ke dan dari* (entiti lokatif), preposisi *kepada, daripada* (entiti transisi) dan preposisi *untuk* (entiti bertujuan). Kekompleksan ini menjadikan sukar untuk menentukan makna inti bagi preposisi *dengan*. Asmah Hj. Omar (2009) dalam penghuraiannya tentang kata preposisi *dengan* telah mengemukakan tiga unsur makna *dengan* iaitu penyertaan, alat

dan gaya. Walau bagaimanapun, pengkaji menganggap preposisi *dengan* boleh diwakili dengan satu komponen makna iaitu membawa hubungan 'penyertaan'. Apa yang dimaksudkan dengan 'penyertaan' ialah sesuatu lakuan itu dilaksanakan atau disempurnakan melalui penyertaan satu keadaan yang lain pada masa yang sama seperti melakukan sesuatu dengan penyertaan alat (seperti memotong dengan pisau, penyertaan cara (seperti makan dengan sudu) dan penyertaan peserta (berlari dengan adik).

Hubungan antara preposisi *dengan* dan entitinya boleh dirajahkan seperti berikut.

Dengan = *X lakukan Y [penyertaan] Z*



RAJAH 1 Komponen Makna Preposisi *dengan*

Berdasarkan Rajah 1, kelihatan makna penyertaan yang dibawa oleh preposisi *dengan* mempunyai pelbagai makna iaitu penyertaan alat, cara, peserta dan lain-lain. Perbezaan makna yang ditimbulkan oleh preposisi ini, menunjukkan bentuk homonim ini iaitu sama bunyi dan ejaan namun mempunyai beberapa makna yang berbeza dan tidak berkaitan antara satu dengan yang lain. Berikut ditunjukkan hubungan penyertaan preposisi *dengan* yang digunakan dalam ayat berasaskan korpus kajian.

(9)

a. Penyertaan peserta atau keadaan

Ch: Amin yang berbual ***dengan*** kawan-kawannya, sesekali melihat padanya dan tersenyum.
Ch: Ia merupakan garis pemisah antara cerah ***dengan*** gelap.

b. Penyertaan alat.
Ch: Dia pergi sendiri ***dengan*** sampannya.

c. Penyertaan cara (maksud adverba pelaku)
Ch: Syed Bakar menarik tangan isterinya ***dengan*** kasar.
Ch: Ramli melaung ***dengan*** suara kuat mengatasi bunyi deruan angin.

d. Penyertaan sifat kepunyaan
Ch: Mak Munah *dengan* tubuh yang kurus tinggi, mata yang cekung telah turun ke sawah.
Ch: Ketinggian Amin sama dengan ketinggian Khairuddin

Contoh-contoh (9) menunjukkan preposisi *dengan* menghubungkan satu entiti iaitu perlakuan dengan penyertaan satu entiti yang lain iaitu sama ada peserta atau keadaan yang lain, alat, cara dan sifat kepunyaan. Analisis ini memperlihatkan bahawa preposisi *dengan* mempunyai satu makna asas iaitu 'penyertaan' dan menyangkal kepelbagaian makna yang ditunjukkan oleh penahu terdahulu tentang preposisi *dengan* .

Data korpus

Data korpus UKM-DBP merupakan korpus yang diguna pakai oleh penulis di dalam kajian ini. Menurut Rusli Abdul Ghani (2008), kiraan mutakhir data teks dalam pangkalan data DBP sudah pun melebihi 100 juta kata. Namun begitu, daripada data yang sebesar ini, data korpus UKM-DBP hanya memilih sebanyak 5 juta kata sahaja daripada jumlah ini untuk tujuan kajian nahu praktis bahasa Melayu. Dalam data korpus DBP-UKM ini, hanya terkandung data berbentuk tulisan sahaja dan data teks terdiri daripada tiga kelompok utama, iaitu data akhbar, data majalah dan data buku.

Makalah ini menggunakan data korpus DBP-UKM ini untuk memperoleh contoh penggunaan preposisi *dengan* dalam ayat. Melalui korpus ini penulis akan menjana data yang dikehendaki, iaitu preposisi *dengan* dengan menggunakan perisian Oxford WordSmith Tools 5.0. Melalui perisian ini, segala maklumat yang diperlukan penulis dalam kajian ini akan diperoleh dengan mudah. Perisian ini merupakan satu perisian yang dibangunkan di bawah korpus UKM-DBP yang berfungsi untuk mendapatkan segala data yang terkandung di dalam korpus sebesar 5 juta ini. Melalui item konkordans yang tersedia dalam perisian ini penulis akan memperoleh jumlah, kekerapan dan juga contoh penggunaan preposisi *dengan* dalam korpus UKM-DBP. Perisian ini memudahkan dan sangat berguna di dalam kajian ini. Segala data yang penulis terima daripada korpus ini akan digunakan sebagai subjek kajian, contoh dan juga untuk tujuan pembuktian.

Struktur Logik dan Representasi Leksikal

Dalam RRG, analisis semantik bagi predikat dibincangkan dalam bentuk klasifikasi *Aktionsart* (iaitu bahasa Jerman untuk 'bentuk lakuan').[1] Berasaskan kelas Aktionsart, RRG kemudiannya mencadangkan enam kelas kata kerja iaitu keadaan, aktiviti, pencapaian, penyempurnaan, aktif penyempurnaan dan semelfaktif. Keenam-enam kelas ini juga dianggap mempunyai versi kausatif masing-masing. Dalam RRG, setiap kelas *Aktionsart* menggunakan sistem dekomposisi leksikal yang dipanggil sebagai STRUKTUR LOGIK (SL). Perbezaan empat kelas Aktionsart asas ditunjukkan pada jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Representasi Leksikal bagi Kelas *Aktionsart* Asas

Jenis Aktionsart	**Struktur logik**
Keadaan	**Predikat'** (x) atau **predikat'** (x, y)
Pencapaian	INGR **predikat'** (x) atau INGR **predikat'** (x,y)
Penyempurnaan	MENJADI **predikat'** (x) atau MENJADI **predikat'** (x,y)
Aktiviti	**melakukan'** (x,[**predikat'** (x)]) atau **melakukan'** (x,[**predikat'** (x,y)])

STRUKTUR LOGIK (SL) KATA KERJA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PREPOSISI

Tumpuan utama bahagian ini adalah memperlihatkan struktur logik bagi predikat dan menunjukkan bagaimana kehadiran preposisi tertentu boleh diramalkan berdasarkan predikat (biasanya kata kerja) dalam ayat. Sebagai contoh bentuk logik bagi kata kerja *pergi* bagi ayat (10) adalah (10a).

(10) Ali pergi ke sekolah.
(10a) SL pergi: MENJADI **di-lok'**(y,x))].

Daripada (1a), kita boleh menjangkakan bahawa kata kerja *pergi* mempunyai arah lokasi sebagaimana yang ditandai oleh SL MENJADI **di-lok'**. Komponen ini secara tidak langsung menunjukkan kata kerja *pergi* merupakan kelas kata kerja penyempurnaan iaitu menunjukkan peristiwa berlaku dalam satu tempoh masa dan

[1] Klasifikasi kata kerja ini pada asalnya dicadang oleh Vendler (1957[1967]) (Van Valin & LaPolla 1997: 91). Vendler menunjukkan empat kategori berbeza bagi kata kerja iaitu keadaan, aktiviti, penyempurnaan dan pencapaian yang diklasifikasikan berasaskan ciri inheren temporal (berkaitan dengan masa). Ramai ahli bahasa yang telah mengambil atau mendefinisikan semula skema beliau ini mengikut pandangan masing-masing. Sebagai contoh Dowty (1979) memperkenalkan klasifikasi kata kerja bahasa Inggeris untuk empat jenis kata kerja sebagaimana dicadangkan oleh Vendler. Beliau bukan sahaja memberikan taksonomi bagi kata kerja tetapi juga cuba menerangkan mengapa setiap kategori atau gabungan kategori mempunyai ciri-ciri yang sedemikian. Oleh itu, Dowty telah mencadangkan ujian sintaksis dan semantik untuk membezakan kelas kata kerja tersebut. Ujian sintaksis dan semantik yang dicadangkan oleh Dowty ini kemudiannya dimodifikasikan oleh RRG untuk membezakan kelas *Aktionsart*.

ada penamat iaitu arah lokasi bagi lakuan gerak. Begitu juga jika dilihat kepada kata kerja *memberi* dalam ayat (11) yang bentuk struktur logiknya adalah ditandai seperti dalam (11a);

(11) Ali memberi buku kepada Ani.
(11a) SL Memberi: [**melakukan'**(x,Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI **mempunyai'**(y,z)]

Daripada (11a), kita dapat meramal bahawa kata kerja ini mempunyai argumen kedua iaitu ditandai oleh operator MENJADI **mempunyai'** yang menunjukkan bahawa kata kerja ini memerlukan predikat penerima (y) -(seseorang menerima sesuatu yang disebabkan oleh perlakuan *memberi*) dan argumen objek (z). Dalam representasi sintaksis, operator MENJADI **mempunyai'** ditandai oleh preposisi *kepada*.

Kajian Maslida (2006,2007 dan 2009) menunjukkan kemunculan preposisi tertentu berhubungan dengan jenis kata kerja yang hadir bersamanya dalam klausa. Beliau telah menunjukkan bahawa kemunculan preposisi lokatif *di* berhubungan dengan kata kerja keadaan, aktiviti dan pencapaian. Preposisi *ke* dan *dari* berhubungan dengan kata kerja penyempurnaan, kausatif penyempurnaan dan aktiviti, Preposisi pindahan milik *daripada* dan *kepada* pula muncul bersama dengan kata kerja - kausatif penyempurnaan dan akhir sekali preposisi bertujuan (untuk) hadir bersama dengan kata kerja keadaan dan aktiviti. Contoh hubungan ini dapat dijelaskan berdasarkan kehadiran preposisi dengan jenis kata kerja seperti berikut.

a. Mereka pergi ***ke*** tempat pendaftaran.

a(i). SL[2]: MENJADI **di-lok'** (tempat pendaftaran, GN3)]

SL a(i) memperlihatkan lokasi yang merupakan sebahagian daripada argumen struktur logik bagi kata kerja penyempurnaan lokatif. Segmen MENJADI **di-lok'** yang merupakan SL kata kerja penyempurnaan lokatif menyamai makna preposisi *ke*. Predikat *ke* direpresentasikan sebagai MENJADI **di-lok'** (x,y). Ini membuktikan bahawa preposisi *ke* berpadanan dengan kata kerja penyempurnaan. Oleh itu kita boleh meramalkan bahawa preposisi *ke* hadir sebagai argumen semantik bagi kata kerja penyempurnaan. Frasa nama yang ditandai oleh preposisi *ke* dalam setiap contoh merupakan argumen pertama bagi predikat keadaan yang dipancangkan ke bawah slot MENJADI dalam struktur logik.

b.Khalil yang keluar ***dari*** bilik air, terpinga-pinga hairan.

b(i). SL : MENJADI TIDAK **di-lok'** (x,y)

Oleh kerana preposisi *dari* berhubungan dengan ayat arah, maka kemunculan preposisi *dari* juga sepadan dengan kemunculan preposisi *ke*. Preposisi *dari* juga muncul bersama kata kerja penyempurnaan. SL b(i) menggambarkan struktur bagi kata kerja

[2] SL- Struktur logik

gerak kelas kata kerja penyempurnaan. Makalah ini mendapati bahawa SL ini sejajar dengan preposisi *ke* yang hadir bersama dengan jenis kata kerja gerak ini.

c. Mereka tinggal ***di*** rumah Khalilah.

c (i).SL: **di-lok'**(rumah Khalilah, GN 3)

Kata kerja keadaan jenis 'menetap' seperti *tinggal* ialah kata kerja yang memerlukan maklumat lokasi untuk melengkapkan maknanya. Contoh ayat (c) menunjukkan kehadiran preposisi *di* bersama kata kerja keadaan *tinggal*.

d. Nisa telah diserahkan ***kepada*** ibu Ramli.
d(i).SL : [Asp Masa lampau[**melakukan'**(x,Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI **mempunyai'**(ibu Ramli, Nisa)]

e. Ripin mengambil lampu suluh ***daripada*** tangan orang yang memegangnya dan menyuluh ke muka perempuan yang sudah tidak bernyawa lagi itu.

e(i). SL : [**melakukan'** (Ripin,Ø)] MENYEBABKAN[(MENJADI TIDAK **mempunyai'** (tangan orang, lampu suluh)]

Preposisi *kepada* dan *daripada* merupakan fungsi semantik kepada SL kata kerja penyempurnaan kausatif peralihan. SLnya adalah MENJADI TIDAK **mempunyai'** bagi preposisi *daripada* dan MENJADI **mempunyai'** bagi preposisi *kepada*. Konteks peralihan milik ini yang ditandai oleh operator TIDAK mempamerkan pertentangan struktur semantik bagi preposisi *kepada* dan *daripada* sebagaimana ditunjukkan oleh ayat (d) dan (e)..

f. Dia juga minum secangkir teh ***untuk*** menyegarkan nafasnya.
f(i). SL: <juga(**melakukan'**(GN3,[**minum'**(GN3, secangkir teh))] BERTUJUAN [MENJADI **segar'** (nafas GN3)]

Komponen BERTUJUAN dalam preposisi *untuk* mengandungi dua struktur iaitu (i) [**mahu'** (x, SL_2)] dan (ii) [SL_1 MENYEBABKAN SL_2]. Kedua-dua struktur ini membayangkan dua komponen semantik bagi preposisi bertujuan sebagaimana ditunjukkan dalam SL (81a) iaitu memperlihatkan hasil yang diinginkan (menyegarkan nafasnya) dan aktiviti yang dilakukan oleh aktor untuk mencapai hasil tersebut (minum secangkir teh). Dengan demikian, BERTUJUAN menunjukkan dua struktur iaitu (i) [**mahu'** (x, SL_2)] iaitu dalam konteks ini, x= GN3 dan SL_2 = [MENJADI segar (GN3)] dan (ii) [SL_1 MENYEBABKAN SL_2] iaitu SL_1 = [MELAKUKAN (GN3, [**minum'** (GN3, secangkir teh)].

ANALISIS SEMANTIK PREPOSISI PENYERTAAN

Asmah Hj. Omar (2009) memberikan tiga penggunaan preposisi *dengan* iaitu sebagai penyertaan, alat dan gaya. Nik Safiah Karim et al. (2008) pula menambah satu lagi maksud preposisi *dengan* iaitu menyatakan keadaan perbandingan yang serupa atau sama.

Huraian tentang penggunaan kata preposisi *dengan* menunjukkan preposisi ini menghubungkan lakuan dengan 'penyertaan' sesuatu yang lain ; misalnya, penyertaan alat (dengan pisau), Adverba cara (dengan kuat, dengan sudu), bersama (dengan Aisyah), sifat (dengan tangan yang kuat), dan tema (dengan sampah).

Kepelbagaian makna penyertaan yang dipunyai oleh preposisi dengan memperlihatkan preposisi ini berpeluang untuk hadir dalam kesemua kata kerja iaitu aktiviti, keadaan, pencapaian, penyempurnaan, aktif penyempurnaan dan kausatif. Yang membezakan kehadiran preposisi *dengan* dalam sesuatu ayat adalah peranan penyertaannya sama ada sebagai alat, pelaksana, komitatif dan sebagainya.

i. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai alat

Preposisi *dengan* yang membawa penggunaan alat jelas ditunjukkan pada konteks ayat-ayat kausatif penyempurnaan.

a. Dia selalu menghantar Syarifah Aini ***dengan*** Alfa Romeonya.

b. **melakukan'** (GN3[**guna'** (GN3, Alfa Romeo) MENYEBABKAN [[**melakukan'** (Alfa Romeo,[**hantar'** (Alfa Romeo, Syarifah Aini)]] MENYEBABKAN[MENJADI **di-lok'** (Ø, Syarifah Aini)]])

ii. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai sifat kepunyaan

a. Mak Munah ***dengan*** tubuhnya yang kurus tinggi, ***dengan*** tulang tangan dan kaki yang kecil telah turun ke sawah.

b. [**mempunyai bahagian'** (Mak Munah, tubuh kurus tinggi Λ tulang tangan Λ kaki kecil))] Λ[3] [MENJADI **di-lok'** (sawah, Mak Munah)])

iii. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai adverba cara-. menerangkan bagaimana pelaku mempersembahkan lakuannya

ia. Dia kembali ke rumah ***dengan*** perasaan hampa yang amat berat.

[3] Λ - membawa maksud 'dan serentak'.

ib.[**dengan perasaan hampa'** (**melakukan'** (GN3, [**gerak dari titik rujukan'** (GN3) & MENJADI **di-lok'** (rumah, GN 3))]

iia. Syed Bakar menarik tangan isterinya ***dengan*** kasar.
iib.[**dengan kasar'** (**melakukan'** (Syed Bakar[**menarik'** (Syed Bakar, tangan isterinya)]))]

iiia. Ramli melaung ***dengan*** suara kuat.
iiib. [**dengan suara kuat'** (**melakukan'** (Ramli,[**melaung'** (Ramli)]))]

iv. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai pelaksana: mengungkapkan bagaimana lakuan dipersembahkan

Seperti adverba cara, FPrep ini mengungkapkan cara lakuan dipersembahkan, dan kemunculan preposisi ini paling terserlah bersama dengan predikat aktiviti atau aktif penyempurnaan.
ia. Dia lalu menepuk-nepuk paha anaknya ***dengan*** tangan kirinya.
ib. **melakukan'** (GN3, [**menepuk-nepuk'** (GN3, anak) ∧ **guna'** (GN3, tangan kirinyai)])

iia. Mereka makan ***dengan*** menggunakan camca dan garpu. (Noni)

iib. **melakukan'** (GN3, [**makan'** (GN3) ∧ **guna'** (GN3, camca ∧ garpu)]

v. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai peserta/keadaan komitatif/bersama

ia. Amin yang berbual ***dengan*** kawan-kawannya.
ib. **melakukan'** (Amin ∧ kawan-kawan), [**berbual'** (Amin ∧ Kawan-kawan)
iia. Lim sedang berbual ***dengan*** Doktor Siva.
iib. **melakukan'** (Lim ∧ Doktor Siva), [**berbual'** (Lim ∧ Doktor Siva)]
iiia Dia berdiri ***dengan*** kawan-kawannya yang lain.
iiib. **berdiri'** (GN3 ∧ kawan-kawan)

vi. Penyertaan preposisi *dengan* sebagai tema

a. Ahmad memenuhkan kotak itu *dengan* sampah sarap.
b. [**melakukan'** (Ahmad, Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI **di-lok'** (kotak, sampah sarap)]

Berbeza dengan preposisi yang telah dibincangkan di atas (*ke, dari, di, kepada, daripada* dan *untuk*), preposisi *dengan* tidak mempunyai satu perwakilan SL yang dasar sebagaimana ditunjukkan oleh enam jenis preposisi di atas. Penggunaannya dalam 'penyertaan' yang berbagai menyebabkan preposisi ini tidak dapat dikaitkan dengan posisi argumen dalam struktur logik. Preposisi *dengan* yang tidak dapat

dikaitkan dengan satu bentuk struktur logik menjelaskan kepada kita bagaimana FPrep *dengan* boleh muncul lebih daripada sekali dalam satu ayat dengan membawa makna yang berbeza-beza sebagaimana ditunjukkan berikut:

12. Ramli berjabat tangan ***dengan*** Bilai Napiah ***dengan*** menggunakan kedua-dua belah tangannya dan membongkok sedikit.

Ayat (12) menunjukkan dua penggunaan preposisi *dengan* iaitu sebagai penyertaan peserta dan *dengan* yang membawa maksud pelaksana bagi lakuan. Walau bagaimanapun perkara yang menarik tentang preposisi *dengan* adalah kemunculannya yang tidak terbatas kepada sesuatu kata kerja sahaja dengan membawa peranan yang berbagai.

JADUAL 2 Ringkasan SL Preposisi *dengan* dan Hubungannya dengan Kata Kerja

Preposisi	**Representasi semantik (struktur logik)**	**Hubungan dengan jenis kata kerja**
Dengan	1.Penyertaan alat-**guna'**(x) MENYEBABKAN [**pred'** (y)] 2. Penyertaan Pelaksana (cara lakuan)- **melakukan'**(x) ∧ **guna'** (y) 3.Penyertaan sifat kepunyaan-[**mempunyai bahagian'**(x)] 4. Penyertaan cara pelaku-**ADVERBA'** (**pred'** (x)) 5. Penyertaan peserta-**melakukan'**(x ∧ y), [**pred'** (x ∧ y) 6… Penyertaan tema-MENYEBABKAN [MENJADI **di-lok'**(x,y)]	1.Kausatif penyempurnaan 2. Aktiviti 3. keadaan 4. Semua kata kerja 5. Semua kata kerja 6. Kausatif penyempurnaan

Berasaskan perbincangan, dapat ditunjukkan bahawa kemunculan preposisi dalam klausa dapat diramalkan daripada jenis kata kerja yang hadir bersamanya. Preposisi *dengan* menunjukkan keupayaaannya untuk hadir dalam semua kata kerja. Analisis tentang preposisi *dengan* menunjukkan preposisi ini tidak mempunyai SL khusus yang boleh dikaitkan dengannya sebagaimana preposisi-preposisi lain. Sifatnya yang sedemikian, membolehkan preposisi *dengan* hadir bersama dengan semua jenis kata kerja khususnya peranannya sebagai adverba kepada klausa. Berdasarkan hubungan di antara preposisi dan kata kerja yang hadir bersamanya dalam klausa maka bab ini telah menunjukkan bagaimana kehadiran beberapa preposisi dapat diramalkan daripada struktur logik kata kerja dalam klausa. Dengan demikian makalah ini telah memperlihatkan yang fungsi setiap preposisi dalam klausa boleh ditentukan

daripada SL kata kerja melalui statusnya sebagai argumen semantik dan juga argumen sintaksis.

KESIMPULAN

Berasaskan perbincangan, dapat ditunjukkan bahawa kemunculan preposisi dalam klausa dapat diramalkan daripada jenis kata kerja yang hadir bersamanya. Preposisi *dengan* menunjukkan keupayaannya untuk hadir dalam semua kata kerja. Analisis tentang preposisi *dengan* menunjukkan preposisi ini tidak mempunyai SL khusus yang boleh dikaitkan dengannya sebagaimana preposisi-preposisi lain. Sifatnya yang sedemikian, membolehkan preposisi *dengan* hadir bersama dengan semua jenis kata kerja khususnya peranannya sebagai adverba kepada klausa. Berdasarkan hubungan di antara preposisi dan kata kerja yang hadir bersamanya dalam klausa maka makalah ini telah menunjukkan bagaimana kehadiran beberapa preposisi dapat diramalkan daripada struktur logik kata kerja dalam klausa.

RUJUKAN

Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dowty, R.D. 1979. *Word meaning and Montague grammar: the semantics of verbs and times in generative semantics and in Montague's PTQ*. Holland: D. Reidel Publishing Company.

Gawron, J.M. 1986. Situations and prepositions. *Linguistics and Philosophy* **9** (3): 327-382. New York: D. Reidel Publishing Company.

Maslida Yusof. 2006. Representasi semantik preposisi dalam kata kerja bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 17. 112-135.

Maslida Yusof. 2007. Struktur semantik preposisi 'bertujuan': satu analisis berdasarkan korpus. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman (Pnyt). *Linguistik : teori dan aplikasi*. Hlm: 152-161. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof, Rogayah A. Razak & Zaharani Ahmad. 2008. Pengelasan kata kerja bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*. 8 (2): 242-262.

Maslida Yusof, 2009. Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role and Reference Grammar (RRG). *GEMA online Journal of Language Studies*. Vol 7 (1). 17-33.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rusli Abdul Ghani et al. 2008. Pangkalan Data Korpus DBP: Perancangan, Pembinaan dan Pemanfaatan. Dlm. Zaharani Ahmad (pnyt). *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu.* Hlm 21-36. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Van Valin & LaPolla. 1997. *Syntax: structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.

Van Valin, R. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge

University Press.
Vendler, Z. 1967. *Linguistics in philosophy*. New York: Cornell University Press.